

**KESEDIAAN PEKEBUN KECIL
KELAPA SAWIT DI JOHOR UNTUK
MEMATUHI SKIM SIJIL KELESTARIAN
MINYAK SAWIT MALAYSIA**

ANAS BIN MUHAMMAD SALIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**KESEDIAAN PEKEBUN KECIL
KELAPA SAWIT DI JOHOR UNTUK
MEMATUHI SKIM SIJIL KELESTARIAN
MINYAK SAWIT MALAYSIA**

oleh

ANAS BIN MUHAMMAD SALIM

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Mac 2024

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam yang mengizinkan tesis ini disiapkan. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada dua penyelia bagi kajian ini iaitu Profesor Madya Dr Mohamad Shahrudin Bin Samsurijan dan Dr Siti Rahyla Binti Rahmat. Terima kasih juga kepada kedua-dua Ibu-Bapa, keluarga serta rakan-rakan yang terus menerus memberikan sokongan. Kajian ini juga telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod projek: [FRGS/1/2019/SS08/USM/02/5]

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI AKRONIM	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT.....	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	10
1.5 Objektif Kajian.....	10
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Skop Kajian.....	12
1.8 Organisasi Tesis	13
BAB 2 SOROTAN KARYA	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Definisi Operasi	14
2.2.1 Kesediaan Pekebun Kecil.....	14
2.2.2 Kelestarian pertanian.....	15
2.2.3 Pekebun Kecil Kelapa Sawit.....	16
2.2.4 Persijilan Kelestarian	18
2.3 Konsep Pembangunan.....	18

2.4	Pembangunan Pertanian, Agro Makanan dan Dasar Komoditi di Malaysia	20
2.5	Pembangunan Lestari	23
2.6	Kepentingan Mengamalkan Pertanian Lestari	25
2.7	Pembangunan Lestari Dalam Industri Kelapa Sawit	28
	2.7.1 Sijil Mampan Minyak Sawit Malaysia.....	30
2.8	Pekebun Kecil dan Pembangunan Lestari.....	33
2.9	Kesediaan Pekebun Kecil.....	35
2.10	Lompong Kajian.....	37
2.11	Teori Kelakuan Terancang (TPB).....	40
	2.11.1 Sikap.....	41
	2.11.2 Norma Subjektif	42
	2.11.3 Kesedaran Tingkah laku Terkawal (PBC)	43
	2.11.4 Pemboleh Ubah	44
	2.11.5 Kajian TPB secara umum	45
	2.11.6 Kajian TPB Sektor Pertanian	46
2.12	Kerangka Konseptual	48
BAB 3 METODOLOGI.....		50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Rangka Kerja Niat Kepatuhan Pekebun Kecil	52
3.4	Teknik Pensampelan	53
	3.4.1 Penentuan Saiz Sampel	54
	3.4.2 Kaedah Pemilihan Sampel	54
	3.4.3 Instrumen Kajian.....	55
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	56
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan	57
3.7	Analisis Data (Kuantitatif)	59

3.7.1	Analisis Deskriptif	59
3.7.1(a)	Taburan Normal	60
3.7.1(b)	Analisis Korelasi Spearman.....	61
3.8	Analisis data kualitatif.....	62
3.9	Kesimpulan	64
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	65
4.1	Pengenalan	65
4.2	Proses Mengaplikasikan MSPO Pemain Industri Kelapa Sawit	66
4.2.1	Penetapan Tujuan	70
4.2.2	Permulaan.....	72
4.2.3	Mengenal Pasti punca	73
4.2.4	Proses Terlibat.....	80
BAB 5	PENGARUH PEMBOLEH UBAH UTAMA TERHADAP NIAT MEMATUHI MSPO.....	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Maklumat Asas	85
5.3	Analisis deskriptif Niat, Sikap, Norma Subjektif dan Tingkah Laku Terkawal	89
5.3.1	Analisis Deskriptif Niat.....	91
5.3.2	Analisis Deskriptif Sikap	93
5.3.3	Analisis Deskriptif Norma Subjektif.....	96
5.3.4	Analisis Deskriptif Kesedaran Tingkah Laku Terkawal.....	98
5.4	Pengaruh Sikap, Norma Subjektif dan Kesedaran Tingkah Laku Terkawal Terhadap Niat.....	101
5.4.1	Pengaruh Sikap Terhadap Niat.....	102
5.4.2	Pengaruh Norma Subjektif Terhadap Niat.....	103
5.4.3	Pengaruh Kesedaran Tingkah Laku Terkawal Terhadap Niat	104
BAB 6	PENUTUP.....	106
6.1	Pengenalan	106

6.2	Rumusan.....	106
6.3	Implikasi Konseptual	109
6.4	Implikasi Praktikal	110
	6.4.1 Kefahaman Pekebun Kecil terhadap MSPO	110
	6.4.2 Isu Penebangan Hutan untuk Kelapa Sawit	111
	6.4.3 Penambahbaikan Proses Pengaplikasian.....	111
6.5	Cadangan.....	112
	6.5.1 Cadangan Kajian Masa Hadapan	112
RUJUKAN		114
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Pembahagian pekebun kecil	35
Jadual 2.2 Pemboleh ubah	45
Jadual 2.3 Pemboleh ubah	46
Jadual 3.1 Jumlah pekebun kecil kelapa sawit di negeri-negeri besar kelapa sawit.	53
Jadual 3.2 Jadual responden temu bual	55
Jadual 3.3 Ujian kebolehpercayaan	58
Jadual 3.4 Taburan normaliti pemboleh ubah sikap.....	60
Jadual 3.5 Taburan normaliti pemboleh ubah norma subjektif	60
Jadual 3.6 Taburan normaliti kesedaran tingkah laku terkawal	60
Jadual 4.1 Temu bual.....	66
Jadual 5.1 Jantina responden	86
Jadual 5.2 Jantina mengikut lokasi responden	86
Jadual 5.3 Peringkat umur responden.....	87
Jadual 5.4 Jenis pekebun responden.....	87
Jadual 5.5 Tabulasi silang antara jenis pekebun dan lokasi	88
Jadual 5.6 Pemilikan tanah kelapa sawit	88
Jadual 5.7 Modal permulaan responden	89
Jadual 5.8 Hasil perladangan responden	89
Jadual 5.9 Skor min.....	90
Jadual 5.10 Item-item daripada Dharmawan et al. (2021).	91
Jadual 5.11 Statistik pemboleh ubah niat	92
Jadual 5.12 Statistik pemboleh ubah sikap.....	94
Jadual 5.13 Jadual statistik norma subjektif.....	97

Jadual 5.14	Jadual statistik kesedaran tingkah laku terkawal	99
Jadual 5.15	Spearman rho antara sikap dan niat	102
Jadual 5.16	Spearman rho norma subjektif dan niat	103
Jadual 5.17	Spearman Rho kesedaran tingkah laku terkawal	105

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Tiga (3) dimensi di dalam pembangunan lestari 25
Rajah 2.2	Tujuh (7) prinsip dalam MSPO..... 32
Rajah 2.3	Kerangka teori TPB..... 41
Rajah 2.4	Kerangka konseptual kajian kesediaan pekebun kecil mematuhi MSPO..... 48

SENARAI AKRONIM

CB	Control Belief
DOS	Jabatan Perangkaan Malaysia
DPN	Dasar Pertanian Negara
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
FELDA	Federal Land Development Authority
ISCC	International Sustainability and Carbon Certification
ISPO	Indonesia Sustainable Palm Oil
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MPOB	Malaysian Palm Oil Board
MPOC	Malaysian Palm Oil Council
MSPO	Malaysian Sustainable Palm Oil
PBC	Perceive Behaviour Control
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
RISDA	Rural Industry Smallholders Development Authority
RSPO	Roundtable Sustainable Palm Oil
SRI	Sustainable Rice Intensification
TPB	Theory of Planned Behaviour
TRA	Theory of Reasoned Action
WWF	World Wild Federation

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	BORANG SOAL SELIDIK
LAMPIRAN B	SOALAN TEMU BUAL
LAMPIRAN C	SURAT JEMPUTAN TEMU BUAL
LAMPIRAN D	TRANSKRIP TEMU BUAL

KESEDIAAN PEKEBUN KECIL KELAPA SAWIT DI JOHOR UNTUK

MEMATUHI SKIM SIJIL KELESTARIAN MINYAK SAWIT

MALAYSIA

ABSTRAK

Industri sawit merupakan penyumbang terbesar kepada sektor ekonomi negara. Sebagai sumber penyumbang terbesar terhadap ekonomi negara, pematuhan terhadap aspek perancangan dan pengurusan kawasan ladang sawit adalah sangat penting. Perancangan dan pengurusan ladang sawit secara lestari ini memerlukan penglibatan semua pihak khususnya pekebun kecil kelapa sawit. Pekebun kecil kelapa sawit ini adalah komuniti penting yang bertindak secara langsung dalam memastikan pengurusan ladang dan kebun diurus dengan baik. Terdapat tiga (3) objektif dalam kajian ini iaitu mengenal pasti proses mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri kelapa sawit; menilai tahap kesediaan, sikap, norma subjektif dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil kelapa sawit di Johor dalam mengaplikasikan pertanian lestari; dan menganalisis hubungan di antara sikap, norma dan kesedaran tingkah laku terkawal dengan niat pekebun kecil di Johor. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Untuk kuantitatif seramai 304 responden pekebun kecil telah terlibat dalam kajian ini, manakala seramai tiga (3) orang informan telah ditemu bual secara mendalam. Hasil kajian mendedahkan proses mengaplikasikan MSPO dalam kalangan pekebun kecil sawit bermula dengan penetapan tujuan kewujudan MSPO, Seterusnya, untuk permulaan, pihak bertanggungjawab telah menjalankan kajian kesesuaian. Seterusnya, perlu dilakukan proses mengenal pasti punca supaya masalah akar boleh diselesaikan dan akhir sekali, barulah proses-proses yang telah dirancang

dilaksanakan. Dapatan kedua menunjukkan tahap kesediaan, sikap, norma dan kesedaran tingkah laku berada pada skor purata 3.018; dan dapatan ketiga hubungan antara sikap, norma dan kesedaran tingkah laku berada pada tahap yang baik. Ketiga-tiga pemboleh ubah mempunyai hubungan yang kuat dan positif. Dapatan ini akan menjadi input penting kepada pihak berkepentingan di negara ini dalam merangka program yang lebih strategik dalam menjamin kualiti pengurusan sawit di Malaysia.

**THE READINESS OF PALM OIL SMALL HOLDERS IN JOHOR TO
COMPLY WITH MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL
CERTIFICATION SCHEME**

ABSTRACT

The oil palm industry is the largest contributor to the country's economic sector. As the largest contributor to the country's economy, compliance with aspects of planning and management of oil palm plantations is very important. Sustainable planning and management of oil palm plantations requires the involvement of all parties, especially small oil palm farmers. These palm oil smallholders are an important community that acts directly in ensuring that plantations and orchards are managed well. There are three (3) objectives in this study which are to identify the process of applying MSPO on palm oil industry players; assess the level of readiness, attitude, subjective norms and awareness of controlled behavior of palm oil smallholders in Johor in applying sustainable agriculture; and analysing the relationship between attitudes, norms and awareness of controlled behavior with the intentions of smallholders in Johor. This study uses a quantitative and qualitative approach. For quantitative purposes, a total of 304 smallholder respondents were involved in this study, while a total of three (3) informants were interviewed in depth. The results of the study reveal the process of applying MSPO among small oil palm farmers starting with determining the purpose of the existence of MSPO, Next, for the beginning, the responsible party has carried out a suitability study. Next, it is necessary to identify the cause so that the root problem can be solved and finally, then the processes that have been designed are implemented; The second finding shows that the level of readiness, attitude, norms and awareness of behavior is at an average score

of 3.018;and the third finding that the relationship between attitudes, norms and behavioral awareness is at a good level. All three variables have a strong and positive relationship. This finding will be an important input to stakeholders in this country in devising a more strategic program in guaranteeing the quality of oil palm management in Malaysia.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kelapa sawit merupakan antara industri komoditi pertanian penting di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan apabila kelapa sawit pada tahun 2018 menyumbang sebanyak 7.9 peratus kepada KDNK Malaysia melalui sektor pertanian iaitu sebanyak RM 99.5 bilion (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Pada tahun 2019 pula, kelapa sawit menyumbang nilai tambah pada sektor pertanian sebanyak 37.7 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Namun, disebabkan halangan sekatan oleh Eropah, kelapa sawit diancam bahaya.

Oleh sebab itu, kajian ini terpanggil untuk menilai tahap kesediaan pekebun kecil kelapa sawit dalam mematuhi MSPO berdasarkan teori tingkah laku terancang pekebun kecil kelapa sawit. Pematuhan kepada MSPO adalah penting, terutamanya kepada pekebun kecil kerana kerajaan berhasrat untuk melestarikan industri kelapa sawit Malaysia agar dapat diterima dunia. Melalui amalan kelestarian, secara tidak langsung akan meningkatkan kembali keyakinan negara Eropah untuk membeli minyak sawit keluaran Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, kelapa sawit yang ditanam adalah dari jenis *Elaeis guineensis*, yang hidup secara liar di barat Afrika lalu dibawa masuk oleh British ke Tanah Melayu pada tahun 1870 sebagai satu tanaman hiasan (MPOC, 2020). Kemudian, pada tahun 1917, seorang pedagang dari Perancis, telah mengambil keputusan untuk menanam kelapa sawit secara komersial dan besar-besaran di estet Tennamaram yang terletak di Batang Berjuntai, Selangor (Malaysian Palm Oil Council, 2022). Menurut Kushairi et

al. (2018) lagi, sejak itu, industri kelapa sawit di Malaysia, terus berkembang sehingga pada tahun 2016 telah mencapai keluasan 5.7 juta hektar kawasan tanaman. Antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan ini ialah inisiatif kerajaan melalui program-program pembasmian kemiskinan dan pembukaan tanah baharu.

Kerajaan Malaysia telah menjalankan program pembasmian kemiskinan dan pembukaan tanah baharu dengan penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA). FELDA diwujudkan pada tahun 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (FELDA, 2020). Tujuan FELDA diwujudkan adalah untuk membasmi kemiskinan melalui penanaman minyak sawit dan getah. Kewujudan FELDA telah membuka banyak kawasan baru di seluruh Malaysia. Pada tahun 1976, direkodkan seramai 35,531 peneroka telah berdaftar bersama FELDA, dan dianggarkan seramai 213,000 orang berpindah ke penempatan FELDA (Baydar et al., 1990). Sehingga 2020, seramai 112,635 peneroka telah ditempatkan di 317 buah rancangan di seluruh negara (FELDA, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa industri kelapa sawit adalah antara industri yang menyumbang kepada peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Hal ini termasuklah pekebun kecil kelapa sawit yang bergantung kepada hasil kelapa sawit mereka (Zaimah et al., 2018).

Namun, pada tahun 2018, parlimen Kesatuan Eropah telah sebulat suara mengundi untuk menyekat dan membantah kemasukan kelapa sawit bagi tujuan minyak bio pada tahun 2020 (Klepper, 2018). Perkara ini akan menyebabkan Malaysia mengalami kerugian yang besar. Untuk rekod, Eropah merupakan pengimport kedua terbesar kelapa sawit Malaysia selepas India, iaitu sebanyak 1.92 juta tan metrik pada tahun 2018 (Ibrahim, 2019). Sekatan itu berpunca dari aktiviti penanaman kelapa sawit memberi ancaman kepada alam sekitar. Menurut World Wild Federation (WWF),

aktiviti penanaman kelapa sawit memusnahkan habitat-habitat haiwan terancam seperti orang utan, tenuk dan juga badak sumbu Sumatra. Selain itu, ia juga menyebabkan kemusnahan hutan bagi tujuan penanaman kelapa sawit, penindasan pekerja dan juga penghasilan kesan rumah hijau yang tinggi.

Pada penghujung tahun 2013, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau sijil Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO). Sijil ini diwujudkan bertujuan untuk membantu pemain dan industri kelapa sawit, terutamanya pekebun kecil mematuhi piawaian penanaman kelapa sawit yang telah ditetapkan supaya lebih lestari untuk masa hadapan. Pada awalnya, MSPO merupakan persijilan yang dimiliki secara sukarela, namun pada tahun 2017, kerajaan mengumumkan untuk melaksanakan MSPO secara mandatori pada penghujung 2019 selari dengan kehendak pengamalan pertanian secara lestari (Kumaran, 2019). Mandatori ini termasuklah untuk pekebun kecil kelapa sawit.

Menurut Aziz et al. (2016), pekebun kecil kelapa sawit ditafsirkan sebagai individu yang mengusahakan kebun berkeluasan kurang 40.46 hektar atau 100 ekar. Definisi daripada laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) pula, pekebun kecil ialah mereka yang mengusahakan tanah yang tidak luas (PRPM, 2020). Sememangnya menurut Bisht et al. (2020), pekebun kecil mempunyai masalah untuk mengamalkan amalan pertanian. Konsep pembangunan lestari mula diperkenalkan pada tahun 1985, iaitu selepas penerbitan laporan Brutland yang bertajuk “Our Common Future” (Mustafa et al., 2020).

Kajian dalam bidang kelestarian amat luas misalnya kajian Derahim et al. (2011); Goodland (1995), melibatkan kelestarian dalam pelbagai bidang. Secara

konseptualnya, kelestarian meliputi kelestarian sosial, persekitaran dan ekonomi (Lestari & Rahmawati, 2022). Dalam kajian ini, kelestarian yang dilihat ialah pembangunan lestari dalam sektor pertanian, atau lebih terperinci lagi dalam industri kelapa sawit. Di dalam usaha untuk mencapai pembangunan lestari, salah satu aspek yang turut terlibat ialah kelestarian sektor pertanian. Konsep kelestarian untuk sektor pertanian berkaitan dengan masalah ekonomi, alam sekitar dan sosial. Hal ini bermakna, aktiviti pertanian yang dijalankan memberi kesan pada alam sekitar seperti penggunaan baja dan penggunaan racun kawalan serangga perosak (Yadav et al., 2019), pendapatan petani dan juga ruang sosial di sekeliling kawasan pertanian. Oleh sebab itu, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Skim Pensijilan Kelestarian Minyak Sawit Malaysia atau MSPO. Pada awalnya, MSPO adalah persijilan yang diambil secara sukarela, namun, setelah diancam boikot oleh Eropah, kerajaan mengambil keputusan untuk mewajibkan setiap pihak dalam industri kelapa sawit untuk memiliki MSPO pada penghujung 2019.

Penerapan mandatori untuk MSPO ini melibatkan kesemua pemain industri kelapa sawit di Malaysia termasuklah pekebun kecil. Menurut Aziz et al. (2016), pekebun kecil kelapa sawit ditafsirkan sebagai individu yang mengusahakan kebun berkeluasan kurang 40.46 hektar atau 100 ekar. Definisi dari laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) pula, pekebun kecil ialah mereka yang mengusahakan tanah yang tidak luas (PRPM, 2020). Jika kita telusuri lapangan akademik, banyak kajian yang dijalankan oleh ahli akademik mengenai kelestarian dan pekebun kecil. Hakikatnya, kesediaan pekebun kecil untuk mematuhi dan mengamalkan MSPO adalah kunci kepada usaha kerajaan untuk melestarikan industri kelapa sawit. Walaupun menurut RSPO (2023), pekebun kecil hanya mewakili 40

peratus sahaja daripada pemain industri kelapa sawit, namun untuk mencapai kelestarian secara menyeluruh, pekebun kecil juga memainkan peranan.

Umum mengetahui bahawa negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai keluasan penanaman yang besar di Semenanjung Malaysia. Johor berada di kedudukan keempat selepas Sabah, Sarawak dan Pahang dalam konteks Malaysia secara keseluruhan. Pada tahun 2019, menurut Laporan Sosioekonomi Johor 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar terhadap sektor pertanian negeri Johor (DOSM, 2019). Kelapa sawit menyumbang sebanyak 37.4 peratus kepada sektor pertanian negeri Johor atau sebanyak RM 16.4 juta berbanding RM 16.2 juta pada tahun 2018. Selain itu, menurut data dari MPOB (2020) dan FELDA (2020) menunjukkan jumlah pekebun kecil kelapa sawit lebih ramai di negeri Johor. Negeri Johor mempunyai seramai 43,337 orang pekebun kecil kelapa sawit. Pada tahun 2020, menurut Malaysian Palm Oil Board (MPOB), Johor mempunyai keluasan tanaman kelapa sawit seluas 740,828 hektar (MPOB, 2020).

Oleh itu, kajian ini dijalankan di negeri Johor untuk melihat sama ada pekebun kecil bersedia atau tidak untuk mematuhi MSPO. Kajian ini menggunakan Teori Tingkah laku Terancang oleh Ajzen, bagi memahami kesediaan pekebun kecil kelapa sawit dan seterusnya dapat membantu kerajaan mengetahui sama ada pekebun kecil ini sudah bersedia atau tidak. Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi panduan untuk kerajaan merancang langkah untuk memastikan pekebun kecil boleh mengamalkan kelestarian. Kajian ini juga, dapat membuka mata pihak yang terlibat berkenaan kedudukan sebenar samada pekebun kecil ini, faham dan tahu atau tidak berkenaan MSPO. Oleh itu, langkah yang sepatutnya boleh dirancang dan dilaksanakan.

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan dalam kajian ini adalah kesediaan pekebun kecil mematuhi dan mengambil tindakan wajar menguruskan ladang sawit secara lestari. Kajian ini menghujahkan bahawa kesediaan pekebun kecil turut berkait rapat dengan sikap, norma dan kesedaran tingkah laku terkawal mereka dalam menguruskan ladang secara lestari. Oleh itu, kajian ini menggunakan teori tingkah laku terancang oleh Ajzen (1991) sebagai kerangka untuk melihat niat pekebun kecil kelapa sawit di Johor mematuhi MSPO. Kesediaan pekebun kecil kelapa sawit di Johor untuk mematuhi MSPO diukur dengan niat mereka untuk mematuhi MSPO.

Pematuhan pekebun kecil, terutamanya pekebun kecil kelapa sawit persendirian kepada MSPO adalah penting kerana MSPO adalah antara usaha untuk melestarikan industri kelapa sawit di Malaysia. Walaupun menurut RSPO (2023), pekebun kecil hanya mewakili 40 peratus sahaja daripada pemain industri kelapa sawit, namun untuk mencapai kelestarian secara menyeluruh, pekebun kecil juga memainkan peranan. Kerajaan Malaysia sememangnya komited untuk memastikan kelestarian dalam semua sektor termasuklah kelestarian pertanian. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan Dasar Alam Sekitar Negara yang telah digubal pada tahun 2002. Dasar ini diwujudkan untuk memastikan pembangunan lestari yang berteraskan tiga tunggak pembangunan iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar dapat dicapai.

Kesediaan pekebun kecil kelapa sawit untuk mematuhi MSPO perlu dikaji agar pelaksanaan kelestarian untuk industri sawit dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Kesediaan pekebun kecil ini perlu dikaji kerana Alostad et al. (2019) yang menyatakan apabila telah bersedia untuk melakukan perubahan, maka apa yang sedang diusahakan

akan berjaya untuk dicapai. Maka, untuk memastikan pekebun kecil mematuhi MSPO dan mencapai matlamat melestarikan industri kelapa sawit, perlunya untuk dikaji sama ada mereka bersedia atau tidak.

Selain itu, banyak penemuan menyatakan bahawa pekebun kecil adalah pihak yang mudah terancam (Abdullah & Amdan, 2017; Syarifuddin et al., 2023; Ni et al., 2016), mudah di manipulasi (Chin et al., 2016) dan sukar untuk menerima amalan kelestarian (Ahmad Rizal et al., 2021; Aziz et al., 2021). Pekebun kecil secara sosialnya mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti (Abdullah & Amdan, 2017), namun mereka sukar untuk mengamalkan kelestarian. Hal ini kerana mereka tidak konsisten dan takut kos akan meningkat. Selain itu, pekebun kecil juga sering ditekan dan ditindas dalam pasaran. Disebabkan mereka hanyalah pekebun kecil, pasaran sering memanipulasi dan menipu mereka. Mereka tidak mampu berbuat apa kerana mereka sangat bergantung kepada orang tengah untuk memasarkan hasil kebun mereka.

Dalam kajian melibatkan pekebun kecil di peringkat antarabangsa pula memperlihatkan kajian oleh Terlau et al. (2019) yang mengkaji peranan pekebun kecil terhadap *Sustainable Development Goal* (SDG) di Amerika Syarikat. Kajian oleh Terlau et al. (2019) menyatakan pekebun kecil amat sukar untuk memahami dan mengamalkan amalan kelestarian. Shalaby et al. (2011) pula menyatakan pekebun kecil di Mesir yang menanam tanaman makanan seperti padi, gandum, tembikai dan tomato mengalami masalah literasi dan kekurangan kemahiran terutama wanita. Maka mereka mempunyai masalah untuk memahami dan mengamalkan pertanian lestari. Malah, pekebun kecil di Sierra-Leon menolak untuk mengamalkan pertanian secara lestari di sebabkan tidak mahu memecah tradisi mereka mengamalkan pertanian secara

bergilir yang boleh merosakkan tanah (Saravia-Matus et al., 2016). Hal ini bertepatan dengan pernyataan Rohadi (2017) yang mengatakan pekebun kecil sudah terbiasa dengan amalan pertanian tradisional sehingga mereka sukar untuk beradaptasi dengan amalan kelestarian, pernyataan ini terhasil selepas kajian dijalankan di Palembang, Indonesia. Maka, kajian berkenaan sikap, norma subjektif dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia terhadap MSPO adalah penting untuk kita menilai tahap niat mereka terhadap MSPO.

Apabila berbincang berkenaan kajian kelestarian dan pekebun kecil secara umum, tidak banyak kajian yang dijalankan mengkaji berkenaan kesediaan pekebun kecil ini untuk mengamalkan amalan pertanian lestari, secara umumnya. Kebanyakan kajian adalah berkisar tentang hasil pengamalan pertanian secara lestari tanpa mengambil kira kesediaan pekebun kecil tersebut untuk mengamalkan amalan pertanian lestari. Maka, banyak di antara kajian-kajian ini merumuskan pekebun kecil sukar untuk mengamalkan kelestarian. Contohnya kajian dari Brandi et al. (2015) yang mengkaji persijilan kelestarian di Indonesia, Ibrahim et al. (2018), yang mengkaji berkenaan perkhidmatan pengembangan di dalam industri kelapa sawit di Malaysia, Sellare et al. (2020) pula mengkaji tentang perbezaan pendapatan antara pekebun kecil yang mempunyai sijil kelestarian dan pekebun kecil yang tidak mempunyai sijil kelestarian dan banyak lagi kajian yang hanya memfokuskan kepada selain kesediaan pekebun kecil. Namun, terdapat satu kajian yang dijalankan berkenaan kesediaan pekebun kecil kelapa sawit untuk mengamalkan kelestarian, akan tetapi kajian tersebut dijalankan di Indonesia, iaitu kajian dari Dharmawan et al. (2021) berkenaan kesediaan pekebun kecil kelapa sawit di Indonesia untuk mematuhi *Indonesia Sustainable Palm Oil Certificate* atau ISPO. Kajian ini menyimpulkan bahawa, masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil di Indonesia untuk mematuhi ISPO ialah masalah struktur dan

budaya sosial di sana. Mereka (pekebun kecil) lebih berminat kepada aspek ekonomi, akan tetapi tidak berminat kepada aspek sosial dan alam sekitar yang terkandung dalam ISPO. Justeru itu, kajian ini terpanggil untuk melihat kesediaan pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia untuk mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip di dalam MSPO.

Seperti yang dinyatakan di bahagian 1.2, pekebun kecil kelapa sawit terbahagi kepada dua jenis, iaitu pekebun kecil kelapa sawit persendirian dan juga pekebun kecil kelapa sawit berorganisasi. Pekebun kecil persendirian ialah pekebun kecil kelapa sawit yang mengusahakan perkebunan mereka secara mandiri manakala pekebun kecil kelapa sawit berorganisasi pula ialah pekebun kecil kelapa sawit yang bernaung di bawah organisasi yang mengurus seperti FELDA dan FELCRA. Kajian ini lebih memfokuskan kepada pekebun kecil kelapa sawit persendirian walaupun kedua-dua kategori pekebun kecil mempunyai isu yang sama. Hal ini demikian kerana, berdasarkan kajian-kajian lepas, pekebun kecil kelapa sawit persendirian adalah kumpulan yang lebih terancam dari segala aspek berbanding kumpulan pekebun kecil kelapa sawit berorganisasi (Ahmad Rizal et al., 2021; Awang et al., 2016; Azima et al., 2018; Aziz et al., 2021; Ibrahim et al., 2018; Peng et al., 2020).

Selain itu, pekebun kecil kelapa sawit persendirian adalah kumpulan yang masih mengamalkan amalan pertanian tradisional. Ibrahim et al. (2018), menyatakan antara punca mengapa pekebun kecil kelapa sawit persendirian masih mengamalkan amalan pertanian tradisional kerana mereka menghadapi kesukaran untuk mengadaptasi perkara baharu. Aziz et al. (2021) pula menyimpulkan pekebun kecil kelapa sawit persendirian perlu meningkatkan kesedaran mereka agar pelaksanaan kelestarian industri kelapa sawit dapat direalisasikan.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah proses mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri kelapa sawit?
- ii. Sejauh manakah kesediaan pekebun kecil terhadap pengaplikasian pertanian lestari?
- iii. Sejauh manakah kekuatan hubungan antara niat dengan sikap, norma dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil di Johor?

1.5 Objektif Kajian

Objektif 1 kajian ini ialah mengenal pasti proses mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri kelapa sawit. Tujuan kenal pasti ialah kajian ini ingin mengetahui proses-proses yang terlibat dalam mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri kelapa sawit. Kemudian, setelah mengetahui proses-proses yang terlibat untuk mengaplikasikan MSPO ke atas pekebun kecil kelapa sawit, kajian ini menilai tahap kesediaan, sikap, norma subjektif dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil terhadap amalan pertanian lestari. Akhir sekali, kajian ini menganalisis pula hubungan antara sikap, norma subjektif dan tingkah laku terancang dengan niat (kesediaan) pekebun kecil kelapa sawit di Johor untuk mematuhi MSPO.

Objektif utama kajian ialah, untuk melihat kesediaan pekebun kecil kelapa sawit di Johor untuk mematuhi MSPO.

- i. Mengetahui proses mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri kelapa sawit di Johor
- ii. Menilai tahap kesediaan, sikap, norma subjektif dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil kelapa sawit di Johor dalam mengaplikasikan pertanian lestari

- iii. Menganalisis hubungan di antara sikap, norma dan kesedaran tingkah laku terkawal dengan niat pekebun kecil di Johor.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam konteks kajian ini, apabila kita dapat menilai tahap kesediaan pekebun kecil untuk mematuhi MSPO, maka proses untuk melestarikan industri kelapa sawit Malaysia akan menjadi mudah.

Pekebun kecil merupakan sebahagian daripada pemain industri kelapa sawit. Malah, mereka merupakan pemegang taruh paling bawah dalam susun atur pemain industri kelapa sawit. Walaupun menurut RSPO (2023), pekebun kecil hanya mewakili 40 peratus sahaja dari pemain industri kelapa sawit namun mereka juga mempunyai peranan yang penting untuk menjayakan hasrat melestarikan industri kelapa sawit Malaysia. Oleh itu, melalui kajian ini, hasil kajian diharap dapat membantu kerajaan menyusun serta melaksanakan dasar yang dapat menarik mereka untuk mengamalkan amalan pertanian lestari. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu kerajaan merancang serta menjalankan program yang membantu pekebun kecil untuk mematuhi MSPO.

Di dalam lapangan akademik pula, kajian ini diharapkan dapat membuka lebih banyak kajian yang berkaitan kesediaan pekebun kecil. Seperti yang dinyatakan di bahagian permasalahan kajian, kurangnya kajian yang mengkaji berkenaan kesediaan dan pekebun kecil untuk mengamalkan amalan pertanian lestari. Banyak kajian yang hanya memfokuskan kepada masalah pekebun kecil yang tidak mengamalkan amalan pertanian lestari, namun tidak mengkaji tahap kesediaan pekebun kecil untuk mengamalkan pertanian lestari. Berkemungkinan pekebun kecil ini bukan tidak mahu mengamalkan amalan pertanian lestari, tetapi mereka tidak bersedia.

1.7 Skop Kajian

Kajian kesediaan pekebun kecil kelapa sawit di Johor telah dijalankan bagi melihat aspek pematuhan para pekebun kecil terhadap MSPO. Terdapat 7 prinsip dalam MSPO yang perlu dipatuhi oleh pekebun kecil kelapa sawit untuk melayakkan mereka mendapatkan persijilan MSPO, iaitu komitmen dan tanggungjawab pengurusan, ketelusan, pematuhan kepada keperluan undang-undang, tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat-syarat pekerjaan, tumpuan kepada alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem, amalan-amalan terbaik, dan pembangunan penanaman baru.

Kajian ini memberi penumpuan kepada indikator utama iaitu niat yang menunjukkan kesediaan pekebun kecil kelapa sawit dan di sokong oleh tiga lagi indikator iaitu sikap, norma subjektif dan juga kesedaran tingkah laku terkawal. Kajian ini dilakukan di Johor, menurut Laporan Sosioekonomi Johor 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar terhadap sektor pertanian negeri Johor serta memiliki kumpulan pekebun kecil antara yang teramai di Malaysia (43,337 orang) di kawasan seluas 740,828 hektar (DOSM, 2019; MPOB 2020). Senario ini menunjukkan, maklumat yang lebih baik dan tepat daripada responden dalam kalangan pekebun kecil mampu membantu kajian ini menjawab objektif kajian dengan baik. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dalam membantu menjawab semua objektif kajian. Selain pekebun kecil di Johor dipilih dan terlibat secara langsung dalam kajian ini, beberapa individu penting dalam sektor ini turut terlibat dan membantu menyumbang kepada objektif kajian seperti pegawai MPOB, MPOC, dan ahli akademik. Input dari perspektif yang berbeza ini penting dalam membantu kajian ini mencapai matlamat kajian dengan jayanya.

1.8 Organisasi Tesis

Bab 1 untuk tesis ini menceritakan berkenaan segala maklumat penting berkenaan kajian ini, seperti pengenalan, isu, skop, definisi operasi, objektif kajian dan permasalahan kajian. Setiap elemen yang dibincangkan bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas tentang kajian ini.

Bab 2 pula akan membincangkan berkenaan sorotan karya untuk kajian ini, seperti konsep pembangunan, teori-teori yang digunakan, konsep pembangunan pertanian dan pertumbuhan kawasan, sektor pertanian dan perladangan, sektor pertanian industri dan pekebun kecil, kelestarian dan pertanian, kesan ketidakpatuhan pekebun kecil terhadap MSPO, MSPO dan kelestarian tanaman kelapa sawit di Malaysia dan keperluan MSPO terhadap pekebun kecil. Sorotan karya ini bertujuan untuk melihat kepentingan sektor pertanian di Malaysia untuk menuju ke arah kelestarian dan kelebihan kelestarian kepada sektor pertanian.

Bab 3 pula akan menceritakan berkenaan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian, menganalisis data dan reka bentuk kajian. Bab seterusnya iaitu bab 4, ialah bab yang akan membahaskan tentang hasil kajian untuk objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti proses mengaplikasikan MSPO ke atas pemain industri. Bab 5 ialah bab yang membentangkan dapatan objektif kedua iaitu menganalisis hubungan antara sikap, norma dan kesedaran tingkah laku terkawal pekebun kecil mengenai MSPO, dan objektif ketiga iaitu perbincangan mengenai tahap kesediaan pekebun kecil,. Manakala, Bab 6 membincangkan implikasi kajian, rumusan dan cadangan.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian ini membincangkan sorotan karya yang telah kajian ini telusuri. Sorotan kajian inilah yang membentuk kerangka konsep bagi kajian ini. Melalui konsep pembangunan yang telah dibincangkan, kajian ini telah berjaya membentuk satu kerangka konsep. Rajah kerangka konsep tersebut boleh dirujuk pada penghujung bab ini.

2.2 Definisi Operasi

2.2.1 Kesediaan Pekebun Kecil

Dalam kajian ini, kesediaan bermaksud niat pekebun kecil kelapa sawit di Johor untuk mematuhi MSPO. Menurut Ajzen (2011), niat ialah kesediaan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan. Maka dalam konteks kajian ini, niat ialah kesediaan pekebun kecil di Johor untuk mematuhi MSPO.

Menurut Abdullah dan Hussin (2021), sikap ialah tanggapan atau persepsi seseorang berkenaan sesuatu perkara berdasarkan pemikiran orang lain untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara. Hal ini bermakna, sikap boleh ditafsirkan sebagai satu entiti yang mengambil kira kesan atau akibat sesuatu perbuatan sebelum perbuatan itu dilakukan. Maka, dalam kajian ini, sikap ialah faktor yang mempengaruhi niat pekebun kecil kelapa sawit di Johor untuk mematuhi MSPO.

Kumar (2012) menyatakan bahawa norma subjektif ialah pertimbangan yang dilakukan oleh seseorang, mengambil kira apa yang difikirkan oleh orang sekeliling

sebelum melakukan sesuatu tindakan. Ringkasnya, Abdullah dan Hussin (2021) berpendapat norma subjektif ialah tahap persepsi seseorang dengan mengambil kira tekanan sosial sebelum melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, norma subjektif ialah pengaruh daripada pihak luar ke atas pekebun kecil kelapa sawit di Johor dalam menentukan pematuhan kepada MSPO.

Ajzen (1991) mengatakan bahawa kesedaran tingkah laku terkawal atau *perceived behavioral control* (PBC) merupakan satu bentuk kawalan dan keyakinan yang ada di dalam diri individu untuk melakukan sesuatu tingkah laku. PBC ialah elemen yang ditambah Ajzen untuk teori tindakan bersebab. PBC ditambah kerana PBC dikatakan elemen yang boleh menjelaskan tindakan luar kawalan individu. Menurut Sukohar dan Suharmanto (2021) pula menyatakan individu itu sedar bahawa tingkah laku itu ada dalam dirinya dan individu itu mampu mengawal tingkah laku tersebut. Penemuan oleh Rakhmawati et al. (2023) menunjukkan bahawa apabila individu itu berada dalam situasi yang menghalang atau membenarkan tingkah laku itu dilakukan, kesedaran terhadap kuasa menentukan individu itu untuk melakukan tingkah laku tersebut. Kesedaran itu diberi nama kesedaran kuasa (*perceived power*). Dengan kata mudah, Swaim et al. (2014) menyatakan PBC ialah keyakinan kebolehan diri untuk melakukan tingkah laku tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini, kesediaan pekebun kecil kelapa sawit untuk mematuhi MSPO dilihat daripada sudut niat mereka untuk mematuhi MSPO. Niat mereka pula berkaitan dan berhubungan pula dengan sikap, norma subjektif dan kesedaran tingkah laku terkawal.

2.2.2 Kelestarian pertanian

Konsep pembangunan lestari mula diperkenalkan pada tahun 1985, iaitu selepas penerbitan laporan Brutland yang bertajuk “Our Common Future” (Mustafa et al., 2020).

Menurut Syarifuddin et al. (2023), kelestarian pertanian bermaksud setiap aktiviti pertanian yang dilakukan memberi jaminan penerusan untuk generasi masa kini tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang. Oleh itu, untuk memastikan pekebun kecil kelapa sawit dapat melestarikan pertanian, mereka perlu mengamalkan tujuh prinsip MSPO yang salah satunya ialah mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP). Dalam kajian ini, kelestarian pertanian merujuk kepada kejayaan pekebun kecil kelapa sawit mendapatkan MSPO apabila berjaya memenuhi tujuh prinsip MSPO, iaitu komitmen dan tanggungjawab pengurusan, ketelusan, pematuhan kepada keperluan undang-undang, tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat-syarat pekerjaan, tumpuan kepada alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem, amalan-amalan terbaik, dan pembangunan penanaman baru. Kelestarian pertanian ini perlu kerana Chen et al. (2014) mengatakan bahawa makanan manusia berasal daripada aktiviti pertanian.

2.2.3 Pekebun Kecil Kelapa Sawit

Aziz et al. (2016), dalam kajiannya menafsirkan pekebun kecil kelapa sawit sebagai individu yang mengusahakan kebun kelapa sawit berkeluasan kurang 40.46 hektar atau 100 ekar. Manakala, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) pula memberi tafsiran pekebun kecil ialah mereka yang mengusahakan tanah yang tidak luas (PRPM, 2020). Walaupun pekebun kecil kelapa sawit mempunyai mobiliti sosial sosioekonomi yang tinggi (Abdullah & Amdan, 2017) namun, menurut Ni et al. (2016), mereka terutamanya pekebun kecil kelapa sawit persendirian takut untuk mengamalkan kelestarian kerana akan menyebabkan peningkatan kos. Dalam kajian ini, pekebun kecil kelapa sawit merupakan kumpulan yang ingin dikaji tahap kesediaan mereka untuk mematuhi MSPO.

Pekebun kecil dalam kajian ini bermaksud mereka yang mengusahakan tanah pertanian yang tidak luas, berukuran tidak melebihi 40.4686 hektar, beroperasi dengan

kekangan-kekangan, saiz yang kecil dan mudah terancam dalam pasaran. Sememangnya, jika kita telusuri definisi pekebun kecil, kita akan dapati banyak definisi yang diberikan, pekebun kecil ialah pengusaha pertanian yang mengusahakan tanah pertanian tidak melebihi 40.4686 hektar (RISDA, 2020). Menurut Khalil et al. (2017) pekebun kecil ialah mereka yang beroperasi dengan kekangan struktur seperti sumber yang terhad, teknologi yang minimum dan pasaran yang kecil. Khalil et al. (2017) juga menyatakan definisi pekebun kecil terbahagi kepada 4 jenis, iaitu (a) kebergantungan kepada faktor pengeluaran seperti tanah, pasaran dan sebagainya; (b) jenis pengurusan syarikat; (c) hubungan di antara kebun dan juga pasaran; dan (d) saiz ekonomi perusahaan tersebut (nilai pengeluaran).

Manakala menurut Kirsten and Van Zyl (1998) pula, pekebun kecil diertikan sebagai pihak yang mempunyai saiz operasi yang kecil sehingga mudah terancam untuk mendapatkan perkhidmatan dari pihak berwajib sehingga mereka perlu meningkatkan pengeluaran mereka. Definisi ini terhasil melalui sebuah kajian yang dijalankan di Afrika Selatan. Di sana, para pekebun kecil ditindas kerana setiap polisi kerajaan lebih memberi manfaat kepada pekebun besar. Maka, kajian ini melihat kesediaan mereka, iaitu pekebun kecil untuk mematuhi MSPO. Menurut Aziz et al. (2016), pekebun kecil kelapa sawit ditafsirkan sebagai individu yang mengusahakan kebun kelapa sawit berkeluasan kurang 40.46 hektar atau 100 ekar. Menurut RSPO (2023) pula, pekebun kecil hanya mewakili kurang 40 peratus sahaja dari pemain industri kelapa sawit, namun untuk mencapai kelestarian secara menyeluruh, pekebun kecil juga memainkan peranan.

2.2.4 Persijilan Kelestarian

Kajian Sanchez-Planelles et al. (2022) menunjukkan kelestarian bukan sahaja mengenai alam sekitar, tetapi mencakupi seluruh aspek kehidupan. Ini termasuklah, sosial, ekonomi dan juga budaya setempat. Persijilan kelestarian menawarkan jaminan keselamatan kepada semua aspek tersebut. Bukan sahaja alam sekitar, malah persijilan kelestarian memastikan semua aspek kehidupan terjaga dari kemusnahan. MSPO adalah satu persijilan kelestarian yang diwujudkan untuk melestarikan industri kelapa sawit Malaysia (Kumaran, 2019). Ia meliputi seluruh peringkat dalam industri kelapa sawit, dari penanaman sehinggalah penghasilan produk akhir.

2.3 Konsep Pembangunan

Pembangunan merupakan satu anjakan paradigma yang sangat diperlukan dan dialu-alukan. Maka, perlunya pembangunan yang betul dari semua aspek, iaitu dari perancangannya, prosesnya, pendekatan yang digunakan serta matlamat yang ingin dicapai. Secara umumnya, konsep pembangunan adalah bersifat multi-dimensi, bermaksud pembangunan ini boleh dilihat dari pelbagai sudut. Amatlah penting untuk kita ketahui terlebih dahulu definisi pembangunan. Kajian ini berpandangan bahawa, definisi pembangunan perlu menepati tiga (3) perkara penting, iaitu pembangunan tersebut haruslah ditafsirkan berdasarkan kepada situasi proses pembangunan itu berlaku (Abuiyada, 2018), pembangunan itu haruslah dijalankan sehingga matlamat tercapai (Abuiyada, 2018) dan pembangunan yang akan dijalankan seharusnya bersifat menyeluruh dalam semua aspek kehidupan (Sen, 2017; Tahir & Ramli, 2015).

Definisi pembangunan seharusnya dibuat berdasarkan situasi proses pembangunan itu berlaku. Menurut penemuan Abuiyada (2018) berkenaan definisi pembangunan ialah, bagi negara kurang membangun berbeza dengan definisi

pembangunan negara membangun. Abuiyada (2018) menyatakan bagi negara kurang membangun, fokus pembangunan lebih terarah kepada pembangunan fizikal seperti mengatasi kebuluran, melengkapkan infrastruktur rakyat dan memastikan keselamatan, manakala bagi negara maju, fokus pembangunan ke arah meningkatkan keupayaan pemikiran serta memastikan kemajuan terus berlaku. Setiap proses pembangunan yang akan dijalankan, sudah semestinya ada matlamat yang ingin dicapai. Rahimah (1989) menyatakan bahawa pembangunan ialah satu proses yang terkawal dan berencana, terhasil dengan usaha dan kesedaran manusia untuk mencapai satu matlamat. Pembangunan ialah satu proses yang memberi perubahan kepada sesuatu perkara. Oleh yang demikian, pembangunan haruslah bersifat menyeluruh atau holistik. Menurut sebuah buku yang dikarang oleh Tahir dan Ramli (2015) bertajuk *Pembangunan Masyarakat Desa dan Kota*, konsep pembangunan dalam mengejar pembangunan, aspek pembangunan sosial juga tidak harus dikesampingkan. Amartya Sen menyatakan dalam penulisannya, *The Concept of Development*, pembangunan tidak hanya berfokus kepada ekonomi, tetapi seharusnya turut mencakupi peningkatan kualiti hidup manusia serta sosial.

Secara umumnya, melalui definisi yang telah dinyatakan di atas, konsep pembangunan turut melibatkan pembangunan dalam bidang pertanian. Salah satu pembangunan dalam bidang pertanian yang paling penting ialah kelestarian bidang pertanian. Hal ini adalah penting kerana bidang pertanian melibatkan banyak aspek dalam kehidupan manusia seperti makanan (Dadi et al., 2023).

2.4 Pembangunan Pertanian, Agro Makanan dan Dasar Komoditi di Malaysia

Sektor pertanian adalah antara sektor terpenting di dunia. Hal ini kerana, sebahagian besar dari makanan penduduk dunia dihasilkan daripada produk pertanian (Chen et al., 2014). Melalui pertanian juga, banyak negara dapat menjana ekonomi negara masing-masing. Hal ini termasuklah negara kita Malaysia dan berperanan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Sejak dari dahulu lagi, pertanian adalah sektor yang menjadi jalan penyelesaian setiap masalah ketika sesebuah negara sedang membangun, antaranya kemiskinan (Che Mat et al., 2020).

Negara Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian sumber pendapatan. Antara sumber pendapatan paling lama dan terkenal ialah pertanian dan sektor pertanian di Malaysia pada awal penubuhan Malaysia adalah antara sektor terbesar yang menyumbang paling banyak kepada KDNK Malaysia (Taasim & Yusoff, 2019). Namun, menganjak masa, data pada suku keempat 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan penurunan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Malaysia, iaitu hanya sebanyak 7.9 peratus sahaja (DOSM, 2019). Hal ini disebabkan peningkatan sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK negara (Taasim & Yusoff, 2019). Peningkatan dalam sektor perindustrian ini disebabkan kerajaan memberi penumpuan kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat.

Dalam sektor pertanian di Malaysia, terdapat dasar yang diwujudkan khas untuk membantu sektor ini berkembang. Dasar yang dimaksudkan ialah Dasar Pertanian Negara, bermula dari tahun 1984 sehingga 2010. Terdapat tiga (3) siri dasar ini, iaitu Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN 1) bermula tahun 1984 hingga 1991,

Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN 2) bermula dari tahun 1992 hingga 1997 dan yang terakhir Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) dari tahun 1998 hingga 2010. Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia, DPN 1 diwujudkan untuk memberi penumpuan kepada eksport pertanian di Malaysia. Keadaan pada masa itu yang melihatkan perkembangan yang pesat dalam sektor pertanian, sumber tanah yang mencukupi dan penyediaan infrastruktur yang baik oleh kerajaan memudahkan lagi DPN 1 diaplikasikan.

DPN 2 pula yang bermula dari tahun 1992 hingga 1997 diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, persaingan dan kecekapan sektor pertanian. Hal ini dalam masa yang sama bertujuan untuk meningkatkan hasil sektor pertanian. Selain itu, DPN 2 juga bertujuan untuk mengembangkan lagi industri kelapa sawit yang sedang meningkat naik. DPN 2 juga bertujuan untuk membangunkan semua industri yang berasaskan pertanian.

DPN 3 pula merupakan siri yang terakhir Dasar Pertanian Negara. DPN 3 bermula dari tahun 1998 sehingga tahun 2010. Pada tempoh DPN 3, bermula 1997, Malaysia dan Asia telah mengalami kemelesetan ekonomi. Dalam dasar ini, penekanan yang diberikan ialah menjalinkan hubungan antara sektor pertanian dan juga sektor-sektor yang lain. Hal ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan kemampuan sektor pertanian untuk menyumbang kepada KDNK negara. Selain itu, menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), DPN 3 adalah dasar yang berobjektif untuk meningkatkan pendapatan negara di samping meningkatkan juga pendapatan pemegang taruh dalam sektor ini seperti pekebun dan juga pengusaha. Kini, industri pertanian negara terus membangun dengan dasar baharu iaitu Dasar Agromakanan Negara. Dasar ini digunakan dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Kelapa

sawit secara umumnya merupakan komoditi bagi negara Malaysia. Oleh itu, setiap polisi yang melibatkan kelapa sawit adalah di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030.

Bermula tahun 2011, kerajaan telah merangka satu dasar khusus untuk memperkukuhkan industri komoditi negara melalui Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Dasar itu diberi nama Dasar Komoditi Negara (Kementerian Ekonomi, 2023) 2011-2020. Dasar ini dirangka untuk dijalankan dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Dasar ini menyasarkan untuk mentransformasikan industri komoditi yang lebih dinamik dan kompetitif menjelang 2020. Dasar ini juga turut digubal berdasarkan paksi industri komoditi iaitu keperluan pasaran dan potensi penjanaan kekayaan melalui pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi. Tambahan pula, hala tuju strategik pembangunan industri komoditi bagi tempoh 2011-2020 berasaskan kepada pembangunan lestari dan seimbang dari segi ekonomi, alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Dalam dasar ini, terdapat 7 teras yang menjadi tunjang kemajuan dasar, iaitu;

1. Memperkasa Industri Komoditi Dalam Pembangunan Ekonomi Negara.
2. Memacu Pemodenan Industri Komoditi
3. Mempelbagai Penghasilan Produk Bernilai Tambah Tinggi
4. Menjana Sumber Pendapatan Baharu
5. Meningkatkan Daya Saing dan Memperluas Pasaran
6. Memajukan Pekebun Kecil dan Usahawan

7. Membangun dan Memperkasa Modal Insan

Setelah DKN 2020 tamat pada tahun 2020, kerajaan sekali lagi melalui Kementerian Perlindungan dan Komoditi merangka dasar yang lebih baik, iaitu Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 atau DAKN 2030. Dasar Agrikomoditi Negara ini merangkumi 8 tanaman komoditi iaitu kelapa sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, fiber berasaskan tumbuhan, biojisim dan bio bahan api. Penekanan Dasar Agrikomoditi Negara adalah untuk meningkatkan ekonomi kitaran berasaskan agrikomoditi. Pembaharuan dasar untuk industri komoditi ini penting disebabkan sektor agrikomoditi menyumbang sebanyak RM 85.1 billion pada tahun 2020.

Di Johor, kelapa sawit merupakan keluaran utama hasil pertanian (Bahagian Perancang Ekonomi Johor, 2020). Pada tahun 2019, Johor mengeluarkan sebanyak 13.4 juta tan metrik kelapa sawit setahun. Selain itu, dari segi keluasan tanah, kelapa sawit mengungguli dengan keluasan seluas 739,583 hektar tanah.

Pembangunan lestari adalah jawapan kepada pembangunan yang menepati tiga tema di atas. Dalam konteks pembangunan, lestari bermaksud pembangunan yang dilakukan tidak mengganggu keperluan generasi akan datang untuk berkembang. Asasnya, pembangunan lestari dikaitkan dengan pembangunan yang dijalankan untuk menikmati hasil ekonomi, tanpa memberi kesan yang teruk kepada kestabilan sosial dan alam sekitar.

2.5 Pembangunan Lestari

Konsep pembangunan lestari ini mula diperkenalkan pada tahun 1985, iaitu selepas penerbitan laporan Brutland yang bertajuk “Our Common Future” (Mustafa et al., 2020). Pembangunan lestari telah menjadi satu pendekatan yang sangat penting

untuk kebanyakan negara di dunia pada masa kini (Kambites, 2014; Law & Gunasekaran, 2012). Secara asasnya, pembangunan lestari merangkumi tiga dimensi yang saling bertaut, iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Rajah 2.1). Lestari and Rahmawati (2022) menemukan bahawa ketiga-tiga dimensi ini saling berinteraksi antara satu sama lain dan ketiga-tiga elemen ini saling bergantung dan jika terhapus salah satunya maka akan terjadi masalah yang besar.

Kelestarian bermaksud memelihara sesuatu itu dengan baik supaya sesuatu itu dapat kekal lama untuk generasi akan datang tanpa menjejaskan apa yang sedang dilakukan, malah ada pentafsiran lebih luas berkenaan kelestarian iaitu, bukan sahaja menjaga agar kekal lama, malah perlunya untuk menambah baik supaya sesuatu itu sentiasa ada. Dalam dunia yang sudah menuju ke arah kemodenan tanpa batas, seharusnya ramai sudah sedar akan kepentingan melakukan sesuatu secara lestari. Hal ini termasuklah sektor pertanian yang menjadi tunjang utama dalam ekonomi Malaysia. Dari sinilah kita perlu melihat hubungan di antara kelestarian dan juga sektor pertanian (Dalam kajian ini, industri kelapa sawit). Manakala menurut Wilcove dan Koh (2010), kelapa sawit menjadi ancaman terbesar pada kepelbagaian bio di Asia Tenggara. Hal ini berikutan perancangan beberapa pihak yang ingin menjadikan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan hub kelapa sawit seterusnya menyebabkan lebih banyak kawasan habitat haiwan diteroka. Selain itu, perkara ini juga disebabkan perkembangan yang drastik dalam pembukaan ladang kelapa sawit baru.